

## **SYEIKH YASIN PADANG DAN ILMU TAFSIR: SOROTAN TERHADAP *FAYD AL-KHABĪR***

Oleh:

Jannatul Husna bin Ali Nuar, MA<sup>\*</sup>)

Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff<sup>\*\*</sup>)

### **ABSTRAK**

Di antara barisan ulama Nusantara yang pernah menghasilkan karya ilmu tafsir adalah Syeikh Yasin Padang. Sememangnya tokoh berkenaan lebih terserlah sebagai pakar dalam bidang hadith dan fiqh. Walaupun tidak diperkatakan sebagai ahli tafsir pada abad ini, namun sumbangan beliau dalam mensyarahkan kaedah-kaedah tafsir (ilmu al-Quran) adalah sangat bernilai dan patut untuk dihargai. Lebih-lebih ketika paradigma keilmuan Islam yang berkembang di rantau ini “dikalahkan” dan lebih tertumpu kepada paradigma hukum-hakam, *theologi* dan *mistisisme*. Kertas kerja ini bertujuan untuk memperkenalkan kitab *Fayd al-Khabīr*, analisis metode penghuraian, aspek kandungan dan analisis segi kekuatan dan kelemahan kitab. Di atas segala kelebihan dan kekurangannya selaku anak manusia, Syeikh Yasin Padang didapati telah menambahkan lagi senarai intelektual penyumbang kajian al-Quran dan ilmu tafsir. Hal itu sungguh amat memberangsangkan dan layak untuk diselidiki lebih dalam.

### **PENGENALAN**

Cendekiawan muslim Nusantara samada zaman klasik hatta abad moden ini cukup ramai yang mencurahkan khidmat dalam mentafsir dan menyingkap ilmu al-Quran. Meskipun ada yang menduga bahawa fokus kajian ulama tempatan lebih tertumpu kepada tiga keilmuan Islam sahaja, iaitu akidah, fiqh dan sufistik. Anggapan tersebut tidak semuanya benar. Oleh kerana bila diselidik secara saksama, justeru dijumpai bidang lain yang ditekuni cukup serius oleh ulama rantau ini. Salah satunya keseriusan mereka terhadap tafsir al-Quran. Antara tokoh yang berjasa besar dalam tafsir dan/atau ilmu tafsir ialah Syeikh Abdur Rauf Singkel, Ahmad Hasan Bandung, Mohamed Idris al-Marbawi, TM. Hasbi Ash-Shiddieqy, Hamka, M. Quraish Shihab, Mohd. Sa'id 'Umar, Mustafa Abd Rahman dan Syeikh Yasin Padang. Nama yang disebut terakhir bahkan membuktikan anggapan sebilangan orang, terkait dengan al-Quran sebagai ilmu yang telah hangus-terbakar. Tuduhan tersebut dijawab oleh beliau dengan terhasilnya karya ilmu tafsir yang relevan hingga tamatnya kurun dunia ini.

---

<sup>\*</sup> Alumni Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Dosen Mata Kuliah *Akidah Akhlak*, *'Ulumul Quran*, *Hadith* dan *Tafsir Tarbawi* di Universitas Islam Sumatera Barat (UISB), Solok-Indonesia (Semester Ganjil/Okt 2011-Mac 2012). E-mail: [jannatulhusna@ymail.com](mailto:jannatulhusna@ymail.com), Weblog: <http://jannatulhusna.blogspot.com> Telp: +62821-71784343.

<sup>\*\*</sup> Professor Tafsir dan Ilmu al-Quran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Pengarah Pusat Kajian al-Quran (The Centre of Quranic Research), Universiti Malaya.

## RIWAYAT HIDUP DAN KEILMUAN

Tokoh ulama Alam Melayu yang keilmuan dan kewibawaannya diakui secara meluas di serata pelusuk dunia sangatlah sedikit dan terhad. Antara yang terhad itu terserlah satu nama iaitu Syeikh Yasin Padang.<sup>1</sup> Nama sebenar ulama besar fiqh dan hadith ini adalah Shaykh al-Muḥaddith al-Faqīh ‘Alam al-Dīn Abū Muḥammad wa Abū al-Fayḍ Muḥammad Yāsīn bin Shaykh al-Mu’ammār Muḥammad ‘Īsā bin Ūdīq al-Fādānī al-Indūnīsī al-Makkī al-Shāfi’ī.<sup>2</sup> Beliau merupakan anak sulung daripada tujuh adik beradik hasil perkongsian pasangan Shaykh Muḥammad ‘Īsā bin Ūdīq al-Fādānī dan Maymūnah binti ‘Abdullāh Fādān.<sup>3</sup> Syeikh Yasin dilahirkan pada hari Selasa, 27 Sya’ban 1335 H<sup>4</sup> bersamaan 17 Jun 1917 M<sup>5</sup> di Kampung Misfalah, sebuah kawasan yang berhampiran dengan Masjid al-Haram Makkah.

Menerima pendidikan asas tidak formal daripada kedua orang tua serta paman sebelah ayahnya, iaitu Shaykh Maḥmūd al-Fādānī. Syeikh Yasin belia memulakan alam persekolahan di Madrasah Ṣawlatiyyah al-Hindiyyah pada tahun 1346 H/1927 M. Kurang lebih tujuh tahun mendepani cabaran dan dugaan di sekolah bersistem klasikal ini, beliau pun “terpaksa” meneruskan pengajian ke Madrasah Dār al-‘Ulūm al-Dīniyyah yang baru sahaja ditubuhkan oleh pemastautin Nusantara di kawasan Syi’b ‘Alī, Makkah pada tahun 1353 H/1935 M. Pelajar pintar lagi berbakat tersebut menamatkan pengajian tingginya (*qism ‘ālī*) di Madrasah Dār al-‘Ulūm dengan cemerlang pada 14 Rabī’ al-Awwal 1356 H<sup>6</sup> bersamaan 24 Mei 1937 M.<sup>7</sup> Selain pendidikan formal, beliau juga menggali pengetahuan di Masjid al-Haram dan di rumah kediaman para *mashāyikh* terkehadapan di sekitar Makkah, Thaif, Riyadh dan Madinah maupun kota-kota lain. Rasa hausnya akan ilmu yang tak kunjung padam membuat SYP melakukan kembara ilmiah ke beberapa nusa (pulau), negara dan benua. Beliau bahkan sempat pergi ke luar Arab Saudi, seperti Malaysia, Indonesia, Yaman, Mesir, Syiria, Kuwait, dan negeri-negeri lain di belahan dunia. Semua itu dijemput untuk mengajar sambil belajar. Sungguh merupakan tipikal peribadi yang rabbānī, iaitu peribadi yang sentiasa mengajarkan ilmunya dan tidak lupa untuk terus belajar (baca QS. [3]: 79).

<sup>1</sup> Selanjutnya untuk meringkaskan penyebutan, ditulis dengan singkatan SYP dan/atau Syeikh Yasin.

<sup>2</sup> Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *al-Rawḍ al-Fā’ih wa Bughyah al-Ghādī wa al-Rā’ih*, Yūsuf al-Mar’ashlī (taḥqīq). Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, h. 51. Lihat juga Jannatul Husna (2011), *Shaykh Yasin al-Fadani (m. 1990) dan Sumbangannya Dalam Pengajian Hadith*, (Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 61. Berikutnya ditulis dengan Jannatul Husna (2011), Tesis Sarjana Usuluddin.

<sup>3</sup> Mengikut maklumat Hj. Tien Rahmatin, Syeikh Yasin mempunyai 8 orang saudara, 3 diantaranya menetap di Indonesia selebihnya bermastautin dalam Kerajaan Saudi Arabia (KSA). Ahli keluarganya itu ialah Yunus bin Hj. ‘Isa (lain ibu, Padang), Dadang ‘Abd. Jabbar (lain ayah, Tasikmalaya), **Yasin bin Hj. ‘Isa** (Makkah KSA), M. Toha bin Hj. ‘Isa (kandung, Karawang), Ibrahim bin Hj. ‘Isa (kandung, Makkah KSA), Siti Zainab binti Hj. ‘Isa (kandung, Makkah KSA), Aminah binti Hj. ‘Isa (kandung, Makkah KSA), Fatmah binti Hj. ‘Isa (kandung, Makkah KSA), dan Hafsa binti Hj. ‘Isa (kandung, Makkah KSA). Ternyata ayah Syeikh Yasin sudah mempunyai seorang anak ketika menikahi ibunya Dadang ‘Abd. Jabbar. Keduanya bertemu setelah menetap di Makkah. Lihat selengkapnya dalam <http://nuliabya.wordpress.com/2007/09/11/mengenang-syekh-yasin-al-fadani/>, diakses 5 November 2011.

<sup>4</sup> Pendapat ini menurut KH. Muhammad Zakwan Abdul Hamid al-Betawy, sebagai dikutip oleh Naufan Rumi dalam <http://naufanrumi.blogspot.com/2011/11/syaikh-muhammad-yasin-al-fadani-diburu.html>, diakses 14 Disember 2011. Bandingkan dengan Sayyid Aḥmad Yūsuf dalam Syeikh Yasin (t.th.), *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr*. Kaherah: Maṭba’ah al-Fijālah al-Jadīdah, h. (J).

<sup>5</sup> Lihat konversi tarikh Hijri ke Masihi dalam <http://www.islamicity.com/PrayerTimes/hijriconverter1a.htm>, diakses 23 Disember 2011.

<sup>6</sup> Syeikh Yasin (t.th.), *op.cit.*, h. (J).

<sup>7</sup> Lihat <http://www.islamicity.com/PrayerTimes/hijriconverter1a.htm>, diakses 23 Disember 2011.

Syeikh Yasin menuntut aneka ilmu keislaman dengan ramai tokoh pendidik. Bahkan beliau pernah berguru dengan lebih 700 orang cendekiawan hebat di masanya, dari pelbagai jenis suku, ras, bahasa dan bangsa.<sup>8</sup> Sebuah angka yang teramat sukar dan nadir untuk dicarikan tandingannya ketika ini. Tersebut misalnya Syeikh Aḥmad Maṣṣūr Filfulānī, ‘Abd al-Qādir Mandīlī, ‘Abd al-Qādir Tawfīq Shalbī, ‘Abd al-Satār al-Dihlawī, Ḥasan Mashāṭ, Ḥasan Yamānī, Hasyim Asy’ari, Ibrāhīm Dāwud Faṭānī, Ma’ṣūm Lasem, Muḥammad Aḥyad Bughūrī, Mukhtār ‘Aṭārid Bughūrī, Mukhtār ‘Uthmān Makhdūm, Sa’id Yamānī, Sayyid ‘Alawī Mālīkī, Sayyid Muḥsin Musāwī, ‘Ubaydillāh al-Deobandī, ‘Umar Bājūnīd, ‘Umar Ḥamdān, Zubayr Aḥmad Filfulānī, dan lain-lain.

Perjalanan kerjayanya bermula pada tahun 1356 H/1937 M apabila beliau dilantik sebagai guru di bekas perguruannya, iaitu Madrasah Dār al-‘Ulūm. Karier mengajar tokoh yang juga ahli falak ini bermula semenjak tempo berkenaan hingga ke akhir hayatnya. Antara subjek pelajaran yang beliau ajarkan ialah ḥadīth, fiqh Shāfi’ī, *uṣūl al-fiqh*, *qawā’id al-fiqhiyyah*, nahu, ṣaraf, balāghah dan falak.<sup>9</sup> Kiprahnya dalam dunia akademik dan pentadbiran kian rancak apabila dilantik menjadi timbalan mudir (naib guru besar) di sekolah agama rakyat, yang turut diprakarsai penubuhannya oleh beliau, berkuat kuasa dari tahun 1359 H/1940 M hingga 1384 H/1964 M.<sup>10</sup> Aktivitinya semakin padat, ketika diamanahi pula jawatan mudir (guru besar) di Madrasah Dār al-‘Ulūm dari tahun 1384 H/1964 M hingga 1410 H/1990 M.<sup>11</sup>

Selain memegang jawatan sebagai guru dan pimpinan sekolah seperti dinukil di atas, Syeikh Yasin turut membangun institusi pendidikan rendah khas bagi kalangan perempuan. Bergandengan bahu dengan isteri, akhirnya sekolah rendah wanita awam dapat dibangunkan di Mahallah Shāmiyyah, Makkah. Penggunaannya dirasmikan pada bulan Rabī’ al-Awwal 1362 H bersamaan dengan bulan Mac 1943 M.<sup>12</sup> Mengikut satu pendapat, sekolah terbabit merupakan sekolah perempuan terulung dalam Kerajaan Saudi Arabia.<sup>13</sup> Di samping itu, beliau ikut mencurahkan khidmat dalam menggagas penubuhan Ma’had al-Mu’allimāt al-Ahliyyah. Sekolah khas para pendidik itu dibangunkan pada bulan Rabī’ al-Akhīr 1377 H/Oktober 1957 M.<sup>14</sup> Antara subjek yang diajarkan di madrasah berkenaan ialah *ilm al-naḥs al-ta’līmī*-ilmu jiwa mengajar, *ilm al-tarbiyah*-ilmu pendidikan, dan *ilm ṭuruq al-tadris*-ilmu metodologi pendidikan, dan lain-lain.<sup>15</sup>

<sup>8</sup> Yūsuf al-Mar’ashlī dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 54-101; Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *al-Fawā’id al-Janiyyah: Hāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah Sharḥ al-Farā’id al-Bahīyyah fī Nazm al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*, Ramzī Sa’d al-Dīn Dimashqiyyah (taqdīm), juz. 1. Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, h. 42.

<sup>9</sup> Yūsuf al-Mar’ashlī dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 51.

<sup>10</sup> Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 43. Baca juga Azyumardi Azra (2000), *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, cet. 2. Bandung: Remaja Rosdakarya, h. 156.

<sup>11</sup> *Ibid.* Rujuk selanjutnya Wan Mohd. Saghīr Abdullah (2006), “Saiyid Muhsin al-Masawi: Pengasas Dar al-Ulum di Mekah”. *Utusan Malaysia*, 14 Ogos, h. 18

<sup>12</sup> Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 47.

<sup>13</sup> *Ibid.* Menurut pengakuan ‘Abd al-Wahhāb Ibrāhīm, sekolah tersebut merupakan sekolah wanita kedua setelah Madrasah al-Fatāḥ al-Ahliyyah. Lihat ‘Abd al-Wahhāb Ibrāhīm dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 37.

<sup>14</sup> Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 47.

<sup>15</sup> *Ibid.*

Syeikh Yasin juga bergiat sebagai pengajar di lingkungan Masjid al-Ḥarām dan di rumahnya di Jalan Andalus Hayy ‘Utaybah.<sup>16</sup> Secara formalnya beliau memperoleh sijil *tauliyah tadrīs-keizinan* untuk mengajar di Masjid al-Ḥarām, bertarikh 10 Jun 1969 M/25 Rabi’ al-Awwal 1389 H, dengan nomor pentauliyahan 83.<sup>17</sup> Demikianlah wujud kesibukan dan padatnya majelis ilmu ahli sanad dunia tersebut. Tidak hairan, ramai pelajar memburu ilmunya, dari Timur hingga Barat. Meliputi pelajar dari belahan Afrika, Timur Tengah, Asia Selatan, Asia Tenggara dan selainnya. Merujuk Syeikh Sa’id Mamdūh, begitu ramai murid daripada gurunya ini hatta sukar untuk diperkirakan bilangan pastinya.<sup>18</sup> Antara barisan murid beliau ialah Dato’ Syeikh Abdul Halim Abd Kadir, KH. Abdul Hamid Abd Halim al-Dari, TG. Abd Aziz Pasir Tumboh, Ustaz Ahmad Fahmi Zamzam, Syeikh Ahmad Hamid al-Kaf, Dr. KH. Ahmad Sahal Mahfuz, Syeikh Dr. ‘Ali Jumu’ah, Ustaz Haji Mohd. Yusoff Ismail, TG. Haji Lah Lubok Tapah, Syeikh Dr. Mahmud Sa’id Mamduh, KH. Muhammad Zakwan Abd Hamid, Syeikh Mukhtar al-Din al-Falimbani, Syeikh Nur al-Din al-Banjari, TG. Sabran Asmawi, Prof. Dr. Said Agil Husin al-Munawar, KH. Syafi’i Hadzami, Syeikh Dr. Yusuf al-Mar’ashli, TG. Zakaria Ahmad Wan Besar, dan ramai lagi.

Di samping menjadi pendidik dan peneraju di beberapa institusi, Syeikh Yasin juga merupakan seorang penulis yang berbakat dan prolific.<sup>19</sup> Beliau telah menghasilkan ratusan karya di pelbagai bidang keilmuan Islam. Sebilangannya sudah dicetak dan sebahagian lain masih dalam bentuk manuskrip.<sup>20</sup> Selain bidang hadith dan ilmu hadith yang menjadi tumpuan dan kapakarannya, beliau juga menyusun karya fiqh dan *usul al-fiqh*, ilmu bahasa dan logik, sejarah (biografi ulama), ilmu falak dan ilmu tafsir. Antara karya beliau termasuk *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah: Arba’ūn Ḥadīthan ‘an Arba’ūn Shaykhan min Arba’ūn Baladan* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1407 H [cet. 2]; 80 ms.); *al-Arba’ūn Ḥadīthan min Arba’ūn Kitāban ‘an Arba’ūn Shaykhan* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1407 H [cet. 2]; 87 ms.);<sup>21</sup> *Asānīd al-Faqīh Ahmad bin Muḥammad bin Hajar al-Haytamī* [ikhtiyār wa tartīb: SYP] (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1429 H; 118 ms.); *al-Asānīd al-Makkiyyah li Kutub al-Ḥadīth wa al-Siyar wa al-Shamā’il al-Muḥammadiyah* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1409 H [cet. 2]; 32 ms.); *Bulghah al-Mushtāq ilā ‘Ilm al-Ishtiqaq* (Kaherah: Dār Miṣr li al-Ṭibā’ah, [t.th.]; 39 ms.); *al-Durr al-Manḍūd: Sharḥ Sunan Abī Dāwūd* (20 jld.); *Fath al-‘Allām: Sharḥ Bulūgh al-Marām* (4 jld.); *al-Fawā’id al-Janiyyah: Hāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah Sharḥ al-Farā’id al-Bahiyyah fī Naẓm al-Qawā’id al-*

<sup>16</sup> ‘Abd al-Wahhāb Ibrāhīm dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 35 dan 38.

<sup>17</sup> Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 43. Lihat Syeikh Yasin (t.th.), *op.cit.*, h. (٢-٣).

<sup>18</sup> Sa’id Mamdūh (1403 H/1983 M), *Tashnīf al-Asmā’ bi Shuyūkh al-Ijāzah wa al-Samā’*. Kaherah: Dār al-Shabāb li al-Ṭibā’ah, h. 10.

<sup>19</sup> Untuk lebih detilnya baca Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 43-46; Syeikh Yasin (t.th.), *op.cit.*, h. (٢-٣); Syeikh Yasin (1403 H/1983 M), *Thabt al-Kazbarī: Ittiḥāf al-Tālib, al-Sarrī bi Asānīd al-Wajīh al-Kazbarī*. Damsyik: Dār al-Baṣā’ir, h. 14-16; Sa’id Mamdūh (1403 H/1983 M), *op.cit.*, h. 10-12; Yūsuf al-Mar’ashli (1427 H/2006 M), *Iqd al-Jawhar fī ‘Ulamā’ al-Rub’ al-Awwal min al-Qarn al-Khāmis ‘Ashar*. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, h. 2148-2150. Lihat lebih jauh Yūsuf al-Mar’ashli dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 102-109.

<sup>20</sup> Sa’id Mamdūh (1403 H/1983 M), *op.cit.*, h. 11. Untuk melihat bilangan, taburan serta peratusan karya Syeikh Yasin selengkapnya baca Jannatul Husna (2011), Tesis Sarjana Usuluddin, *op.cit.*, h. 95-100.

<sup>21</sup> Dua kitab *arba’ūnāt* Syeikh Yasin ini pernah dibentangkan oleh penulis ketika *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)* pada 12-13 Julai 2011. Lihat Jannatul Husna (2011), “Syeikh Yasin Padang dan Hadith Arba’in: Sebuah Ulasan dan Takhrij” dalam Fauzi Deraman *et al.* (eds.), *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 161-178.

*Fiqhīyyah* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1411 H [cet. 1], 1417 H [cet. 2]; 2 jld., 789 ms.); *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr* (Kaherah: Maṭba'ah al-Fijālah al-Jadīdah, [t.th.]; 202 ms.); *Fayḍ al-Mabdī bi Ijāzah al-Shaykh Muḥammad 'Awd Maṅqish al-Zabīdī* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1429; 118 ms.); *Ḥusn al-Ṣiyāghah: Sharḥ Durūs al-Balāghah* (Pulau Pinang: Maṭba'ah al-Ḥajj Abdullāh bin Muḥammad al-Rāwī, [t.th.]; 192 ms.); *Ḥusn al-Wafā li Ikhwān al-Ṣafā* [ta'liq wa taṣḥīḥ: SYP] (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, [t.th.]; 88 ms.); *Ittiḥāf al-Bararah bi Asānīd al-Kutub al-Ḥadīthiyyah al-'Asharah* (Damsyik: Dār al-Baṣā'ir, 1403 H [cet. 2]; 30 ms.); *Ittiḥāf al-Ikhwān bi Ikhtisār Maṭmah al-Wijdān fī Asānīd al-Shaykh 'Umar Ḥamdān* (Damsyik dan Bayrūt: Dār al-Baṣā'ir, 1406 H [cet. 2]; 2 jld., 272 ms.); *Kifāyah al-Mustafīd limā 'alā min al-Asānīd* [ta'liq wa taṣḥīḥ: SYP] (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah 1408 H [cet. 5]; 43 ms.); *al-Maslak al-Jalī fī Asānīd Muḥammad 'Alī bin Ḥusayn bin Ibrāhīm al-Mālikī al-Makkī* [takhrij: SYP] (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1408 H [cet. 3]; 58 ms.); *al-Rawḍ al-Fā'iḥ wa Bughyah al-Ghādī wa al-Rā'iḥ* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1426 H; 895 ms.); *Nihāyah al-Maṭlab: Ta'liqāt 'alā Sadd al-Arab min 'Ulūm al-Isnād wa al-Adab aw Ittiḥāf al-Samīr bi Awhām mā fī Thabt al-Amīr* (Kaherah: Maṭba'ah Ḥijāzī, [t.th] [cet. 2]; 272 ms.); *Tanwīr al-Baṣīrah bi Ṭuruq al-Isnād al-Shahīrah* (Damsyik: Dār al-Baṣā'ir, 1403 H [cet. 3]; 16 ms.); *Thabt al-Kazbarī: Ittiḥāf al-Ṭālib al-Sarri bi Asānīd al-Wajīh al-Kazbarī* (Damsyik: Dār al-Baṣā'ir, 1403 H; 127 ms.); *al-'Ujālah fī al-Aḥādīth al-Musalsalah* (Damsyik: Dār al-Baṣā'ir, 1405 H [cet. 2]; 128 ms.); *al-Wāfī bi Dhayl Tidhkār al-Maṣāfī* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1429 H; 165 ms.); *Waraqāt fī Majmū'ah al-Musalsalāt wa al-Awā'il wa al-Asānīd al-'Āliyah* (Damsyik: Dār al-Baṣā'ir, 1406 H [cet. 2]; 32 ms.); dan masih banyak lagi.

Setiap jiwa pastilah merasakan kematian (QS. [3]: 185; QS. [21]: 35; QS. [29]: 57). Tokoh ulama yang juga ahli falak ini telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pagi Jumaat, 28 Zulhijjah 1410 H<sup>22</sup> bersamaan 21 Julai 1990 M<sup>23</sup> di Tanah Suci Makkah dalam lingkungan usia 75 tahun. Beliau disalatkan oleh ribuan umat Islam selepas ibadah Jumaat di Masjid al-Ḥarām. Jasadnya kemudian dikebumikan di tanah perkuburan Ma'lā, Makkah.<sup>24</sup> Kesedihan mendalam telah menimpa serata ahli keluarga, murid, rakan-sahabat bahkan jutaan kaum muslimin di persada jagat atas kepergian salah seorang tokoh terbaiknya. Beliau termasuk ulama prolific dan produktif abad ini yang amat tekun dalam memperkembangkan ilmu keislaman. Syeikh Yasin meninggalkan 4 orang cahaya mata yang kesemuanya lelaki, iaitu Muḥammad Nūr 'Arafah, Fahd, Riḍā dan Nizār.<sup>25</sup> Semoga Allah s.w.t. menempatkan arwahnya bersama para Nabi dan Rasul, syuhada' serta orang saleh lainnya di syurga. Manakala anak-keturunan dan murid yang ditinggalkan oleh beliau agar dapat meneruskan perjuangan mulia ini. Amin.

<sup>22</sup> Ramzī Sa'd al-Dīn Dimashqīyyah dalam Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 48; 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 33; Nūr al-Dīn al-Banjārī (1416 H/1996 M), *Muḥammad Nūr al-Dīn Marbū al-Banjārī al-Makkī: Khādīm Ṭalabah al-'Ilm al-Sharīf wa al-Aḥādīth al-Musalsalah*, (t.t.p): Majlis Iḥyā' Kutub al-Turāth al-Islāmī, h. 5 dan 13.

<sup>23</sup> Raja Haron Raja Mohammad Salleh (1422 H/2001 M), *Jadwal Tarikh, Bulan dan Tahun Hijri-Masihi*, jil. 16. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, h. 20.

<sup>24</sup> Ramzī Sa'd al-Dīn Dimashqīyyah dalam Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 48.

<sup>25</sup> 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm dalam Syeikh Yasin (1426 H/2005 M), *op.cit.*, h. 37.

## SYEIKH YASIN PADANG DAN ILMU TAFSIR

Syeikh Yasin belajar mengenai al-Quran semenjak ia kanak-kanak lagi. Ianya di bawah asuhan ayah dan pamannya sendiri. Pemahaman beliau terhadap tafsir dan ilmu al-Quran mula tumbuh dan berkembang ketika bersekolah di Madrasah Şawlatiyyah dan Dār al-'Ulūm. Di samping itu, beliau juga bermulazamah cukup rapat dengan Syeikh Muḥsin al-Musāwī, seorang yang digelar sebagai ahli tafsir, *uṣūl al-fiqh*, ilmu falak dan ilmu fara'idh. Bahkan, SYP disebut-sebut sebagai salah seorang pelajar terbaik dari tokoh pendidik berkenaan.<sup>26</sup> Selain itu, beliau juga banyak bergumul dengan pakar tafsir Nusantara seperti Syeikh Ibrāhīm Dāwud Faṭānī. Beliau cukup lama bersahabat dengan ulama keturunan Thailand Selatan itu.

Secara khusus dapat dipaparkan di sini salasilah keilmuan SYP dalam tafsir dan ilmu tafsir yang bersambung hingga ke pengarang asal. Untuk menyebut beberapa contoh misalnya *Anwār al-Tanzīl* dengan Bāqir Nūr Jogya dan Aḥmad Lasem hingga ke Imam al-Bayḍāwī, *Jāmi' al-Bayān* dengan 'Abdullāh Ghāzī hingga ke Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Mafātīḥ al-Ghayb* dengan Yaḥyā Makram Ṭabarī hingga ke Fakhr al-Rāzī, *Tafsīr Jalālayn* beliau pelajari kepada ayahnya-Syeikh 'Īsā, pamannya-Syeikh Maḥmūd Angku Hitam, 'Abd al-Karīm Aḥmad Khaṭīb Minangkabau, Şadaqah Abī Bakr Maydānī, dan 'Abd al-Wāsi' Yaḥyā al-Wāsi'i, *Tafsīr al-Kashshāf* dengan 'Abdullāh Ghāzī hingga ke Zamakhsharī, *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm* dengan 'Alī 'Abdullāh Banjar dan Mukhtār 'Atārid Bogor hingga ke Ibn Kathīr.

Manakala susur galur keilmuan dalam bidang ilmu al-Quran, diantaranya ialah *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān* beliau terima riwayatnya daripada Syeikh 'Alī 'Abdullāh Banjar hingga ke Imam Zarkashī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān* dan *Lubāb al-Manqūl fī Asbāb al-Nuzūl* dengan Syeikh Yūnus 'Abd. Raḥīm Langkat, KH. 'Abd al-Muḥīt Sidoarjo hingga ke Imam Suyūṭī, *I'rāb al-Qurān* dengan Syeikh Aḥmad Mukhallalātī hingga ke Abū Ishāq Ibrāhīm al-Zujjāj, *Aḥkām al-Qurān* karya Ibn al-'Arabī beliau pelajari dengan Syeikh Aḥmad Mukhallalātī, dan lain-lain lagi.<sup>27</sup> Syeikh Yasin juga kerap kali menghadiri halakah pengajian tafsir di lingkungan Masjid al-Haram bersama Syeikh 'Ubaydillāh Deoband. Beliau pernah pula menghadiri majelis Syeikh Ḥusayn Aḥmad Fayḍābādī dan Syeikh 'Abd al-Qādir Tawfiq Shalbī di Madinah. Pengajian ketika itu terkait dengan tafsir, hadith dan ilmu hadith.<sup>28</sup>

Keterlibatan beliau dalam diskursus tafsir dan ilmu al-Quran seperti dijelaskan di atas menunjukkan akan integriti keilmuannya dalam bidang berkenaan. Meskipun Syeikh Yasin tidak menulis kitab tafsir secara khas, justeru beliau telah menulis karya dalam ilmu tafsir, iaitu *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr*.

Berikut ini penjelasan terkait karya dimaksud!

<sup>26</sup> 'Umar 'Abd al-Jabbār (1403 H/1982 M), *Siyar wa Tarājum Ba'd 'Ulamā'inā fī al-Qarn al-Rābi' 'Ashar li al-Hijrah*, cet. 3. Jeddah: Tihāmah, h. 293-294. Lihat pula Ramzī Sa'd al-Dīn Dimashqiyyah dalam Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 40.

<sup>27</sup> Syeikh Yasin (1429 H/2008 M), *al-Wāfī bi Dhayl Tidhkār al-Maṣāfī*. Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, h. 58-63 dan 73-75.

<sup>28</sup> Ramzī Sa'd al-Dīn Dimashqiyyah dalam Syeikh Yasin (1417 H/1996 M), *op.cit.*, h. 37-48.

## **FAYD AL-KHABĪR WA KHULĀSAH AL-TAQRĪR**

### **1. Pengenalan Karya**

Nama sebenar kitab ini ialah *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr ‘alā Nahj al-Taysīr: Sharḥ Manzūmah al-Tafsīr* bermaksud “Curahan Ilmu Sang Pakar dan Ulasan Ringkas Atas Metode Mudah: Syarahan Terhadap Sya’ir Seputar Usul al-Tafsīr”. Kitab berbahasa Arab ini adalah salah satu usaha SYP dalam memperkembangkan ilmu tafsir di kalangan umat Islam. Ianya merupakan hasyiyah-maklumat tambahan kepada kitab *Nahj al-Taysīr* yang dikarang oleh Sayyid Muḥsin al-Musāwī. Tidak dihuraikan secara pasti samada oleh pengarang atau pihak penerbit perihal sejarah penyusunan dan tarikh tamat penulisan. Karya berkenaan mempersembahkan kepada segenap sidang pembaca empat bahagian. *Pertama*, bahagian nazam tafsir atau syairnya pengarang asal iaitu ‘Abd al-‘Azīz al-Zamzamī (m. 976 H/1568 M), dengan tajuk *Manzūmah al-Tafsīr*. *Kedua*, bahagian syarahan oleh Sayyid Muḥsin al-Musāwī (m. 1354 H/1935 M), bertajuk *Nahj al-Taysīr: Sharḥ Manzūmah al-Zamzamī fī Uṣūl al-Tafsīr*. *Ketiga*, bahagian hasyiyah yang pertama oleh Sayyid ‘Alawī ‘Abbās al-Mālikī (m. 1391 H/1971 M), bertajuk *Fayḍ al-Khabīr ‘alā Sharḥ Manzūmah Uṣūl al-Tafsīr*. *Keempat*, iaitu bahagian hasyiyah yang kedua, susunan SYP. Kitab ini telah dicetak oleh dua penerbit sekaligus, iaitu Mua’ssah Khālīd li al-Ṭijārah wa al-Ṭibā’ah di Riyāḍ dan oleh Maṭba’ah al-Fijālāh al-Jadīdah di Kaherah, tanpa menyebutkan tarikh. Kedua-duanya adalah telah dirujuk oleh penulis. Karya berkenaan mengandungi 202 muka surat (ms.), 14 ms. pembuka ditambahkan 188 ms. utama (perbahasan).

### **2. Rujukan Pengarang**

Di dalam kitab ini tidak dijelaskan secara terperinci senarai kitab-kitab yang menjadi rujukan dalam usaha pengarang menghasilkan hasyiyah ini. Bagaimanapun, bila diselidik secara saksama, ternyata dijumpai beliau ada merujuk kepada penjelasan karya ulama tempo dahulu. Antaranya termasuk *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* karya Imam al-Suyūṭī.<sup>29</sup> Selain itu, beliau juga mengutip ayat-ayat al-Quran.<sup>30</sup> Manakala kitab hadith yang dikutip ialah *Saḥīḥ al-Bukhārī* karya Imam al-Bukhārī dan *Saḥīḥ Muslim* karya Imam Muslim, kedua-dua karya ini beliau istilahkan dengan *Muttafaq ‘alayh*,<sup>31</sup> *al-Mustadrak* karya Imam al-Ḥākim,<sup>32</sup> *Mu’jam al-Kabīr* karya Imam al-Ṭabrānī,<sup>33</sup> dan beberapa karya lain. Penjelasan pengarang terkait status atau detil karya-karya dimaksud bersifat ringkas, tiada disebutkan sebarang ms., edisi berapa, tempat penerbit, dan seterusnya.

### **3. Sistematika Penulisan**

Antara sistematika atau teknikal penulisan yang diaplikasikan oleh Syeikh Yasin dalam kitab *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr* adalah seperti berikut:

---

<sup>29</sup> Syeikh Yasin (t.th.), *op.cit.*, h. 9, 120, 131, dll.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 44, dll.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 129, dll.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 159, dll.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 6, 9, 29, 44, dll.

- a. Muka surat pembuka diawali dengan abjad - ط, - ح, - ذ, - و, - , - ع, - د, - . Manakala halaman utama (perbahasan) dimulai dengan nombor 1, 2, 3, dst. hingga 188.
- b. Memulakan kitabnya dengan pengenalan ringkas kepada biografi penulis yang merangkumi biografi pengarang asal, penulis syarahan, dan dua orang tokoh penyusun hasyiyah. Berbeza dengan lazimnya kebanyakan karya, yang dimulai dengan mukadimah ataupun kata pengantar. Justeru penjelasan utama buku ini diawali dengan basmalah; mengandungi pujian ke hadrat Ilahi, selawat ke atas Nabi s.a.w., dan sahabat serta perbahasan mengenai had ilmu tafsir. Adapun mukadimah dipaparkan setelah pengenalan terhadap biografi para penyusun dan kandungan basmalah.<sup>34</sup>
- c. Tiada sebarang penomboran bagi tajuk-tajuk kecil yang terdapat di dalam kitab ini. Manakala penggunaan rumus dijumpai di beberapa tempat, hal ini dimafhumi sebagai untuk meringkaskan penulisan. Misalnya rumus *intahā*-selesai (أ),<sup>35</sup> adakalanya ditulis secara utuh: *intahā* (اتهي),<sup>36</sup> tahun hijrī ( ),<sup>37</sup> *ilā akhīr*-hingga akhir (إلى).<sup>38</sup>
- d. Bagi setiap lafaz *gharib* yang terdapat dalam kitab *Nahj al-Taysīr* yang akan dijelaskan, diletakkan padanya nombor nota kaki. Setiap satu muka surat dimulai dengan nombor nota kaki 1, 2, 3 dst., ianya telah diletakkan dalam tanda kurungan ().
- e. Meletakkan syair tafsir (*nazm al-tafsīr*) pengarang asal di bahagian atas, lalu disertai oleh syarahan, kemudian hasyiyah pertama, dan hasyiyah kedua. Masing-masing bahagian dipisahkan oleh jadual (baris). Selain saiz tulisan syairnya yang lebih besar daripada ukuran syarahan dan hasyiyah pertama, ianya juga diberi baris (harakat). Manakala saiz tulisan syarahan dan hasyiyah pertama satu ukuran tanpa harakat. Adapun hasyiyah-nota kaki Syeikh Yasin ditulis lebih kecil lagi. Lihat kenyataan berikut ini:

: وضعنا منظومة الشيخ الزمزمي بأعلى الصفحة ويليهما شرح السيد المساوي ثم حاشية فيض الخبير فتعليقات الأستاذ محمد ياسين الفاداني، مفصلاً بين كل بجدول.<sup>39</sup>

AMARAN: kami letakkan *manzumah*-nya Shaykh al-Zamzami di bahagian paling atas dan di bahagian bawah syair itu ialah syarahannya oleh Sayyid al-Musawi. Kemudian kami letakkan pula hasyiyah *Fayd al-Khabir*, lalu *ta'liq* (catatan tambahan) daripada Ustaz Muhammad Yasin al-Fadani. Antara satunya dipisahkan oleh jadual (baris).

Berikut diperturunkan satu contoh di antara bentuk penulisan karya ini, agar ia dapat membantu kefahaman pembaca ke arah yang lebih baik (SYP, [t.th.]: 8):

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 15.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 65, 136, dst.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 120, 122, 129, dst.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 64, dst.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 18, 37, dst.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 1.



وَاللّٰهُ اسْتَهْدِيْ وَاسْتَعِيْنَ  
لِاِنَّهٗ الْهَادِيْ وَمَنْ يَّعِيْنَ  
حَدَّ عِلْمِ التَّفْصِيْرِ  
عِلْمٌ بِهٖ يَّتَحَثُّ عَنْ اَحْوَالِ  
كِتَابِنَا مِنْ جِهَةِ الْاِنْزَالِ

Manzūmah  
al-Zamzāmī

على التنازع<sup>(١)</sup> (استهدى) أى اطلب الهداية (واستعين) اطلب<sup>(٢)</sup> الإعانة. ...، والله اعلم.

علم التفسير

Sharḥ  
al-Musāwī

أى علم اصول<sup>(٣)</sup> التفسير هو مأخوذ من قولهم: فسرت الشيء: إذا بينته. وسمى العلم المذكور تفسيراً،  
يبين القرآن ويوضحه.

(واعلم) انه لا بد من معرفة مصطلح التفسير قبل قراءة التفسير، ليكون الإنسان على بصيرة تامة فيه،  
فيعرف المكي والمدني والناسخ والمنسوخ واسباب النزول، ويترتب على ذلك فهم معاني الآيات....

Hāshiyah 1  
al-'Alawī

(١) الاحسن إبدال قوله التنازع بلفظ التعظيم، لان تقدم التنازع فيه المنسوب غير مرضى عند فحول النحاة واكثرهم، منهم  
ابن مالك.  
(٢) الاولى: زيادة منه بعد قوله اطلب حتى نخلص من باب التنازع.  
(٣) سمي بذلك لانه كمفتاح للمفسرين، فمثله من هذه الناحية كمثل علم اصول الحديث، المسمى بعلم المصطلح، بالنسبة  
أراد ان يدرس علم الحديث.

Hāshiyah 2  
al-Fādānī

#### 4. Metode Penghuraian

Secara umumnya huraian yang dilakukan oleh Syeikh Yasin adalah berasaskan kepada ijtihad beliau sendiri. Meskipun begitu, beliau juga menukil beberapa penjelasan tokoh ulama masa silam. Di antara metode utama yang digunakan ialah sepertimana di bawah ini:

- Adakalanya penulis menukilkan hadith Rasul s.a.w. dalam upaya menyempurnakan maksud hasyiyahnya. Namun bagi sesuatu hadith yang diperturunkan tidak disertakan langsung sanad dan darjatnya. Agaknya supaya lebih ringkas dan penumpuan dapat diberikan kepada faedah pengajaran tafsir.<sup>40</sup>
- Huraian dipersembahkan dengan memberikan pengertian kepada lafaz-lafaz *gharīb* yang terdapat dalam penjelasan kitab *Nahj al-Taysir*. Di samping itu, Syeikh Yasin

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 6, 29, 57, dll.

- juga memberikan nota tambahan bagi menjelaskan secara utuh nama penuh seseorang, negeri dan sebagainya.<sup>41</sup>
- c. Merujuk kepada kitab-kitab ilmu tafsir yang berautoriti seperti *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* karya Imam al-Suyūṭī dan selainnya.
  - d. Adakalanya beliau melengkapinya dengan ayat al-Quran, tanpa menjelaskan surat dan nombor ayat.<sup>42</sup> Selain itu beliau juga mengutip pendapat sahabat (atsar).<sup>43</sup>
  - e. Menunjukkan kecenderungan mazhab fiqh yang diperpegangi oleh beliau, dengan mengemukakan pendapat Imam al-Shāfi'i, seperti ungkapan: "*hādha qawl imāminā al-Shāfi'i*"-ini adalah menurut pendapat imam kami, iaitu al-Shāfi'i".<sup>44</sup>
  - f. Cakupan huraian terpesong oleh karangan asal. Oleh itu, pemberi hasyiyah tidak dapat keluar daripada tajuk yang sudah ada. Kerananya tidak ditemukan perbincangan mengenai syarat-syarat mufasir ditinjau dari aspek autoriti keilmuan dan integriti kepribadian; corak dan model tafsir seperti tafsir al-'ilmī, tafsir al-falsafī, tafsir al-adabī al-ijtimā'i, i'jāz al-'adadī, dan lain-lain.

## 5. Aspek Kandungan

Ia dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil, dimulai dengan tajuk utama "*Ma'ānī al-Furqān*" dan diakhiri dengan tajuk "*al-'Ulūm al-Mustanbaṭah min al-Qur'ān*", seperti berikut ini:

Bil.	Tajuk	Bil.	Tajuk
1	Taqdīm	15	al-Gharīb wa al-Mu'arrab fī al-Qur'ān
	▪ Tarjamah al-Nāẓim al-Zamzamī	16	al-Majāz
	▪ Tarjamah al-Shāriḥ al-Musāwī	17	al-Mushtarak
	▪ al-Muḥshī al-Awwal: al-Sayyid 'Alawī	18	al-Mutarādif
	▪ al-Muḥshī al-Thānī: Syeikh al-Fādānī	19	al-Isti'ārah
2	Basmalah, Ḥamdalah wa Ṣalawāt	20	al-Tashbīh
3	<b>Ma'ānī al-Furqān</b>	21	al-'Ām al-Bāqi 'alā 'Umūmihi
4	Ḥad 'Ilm al-Tafsīr		▪ al-'Ām al-Makḥṣūṣ
	▪ Mabādi' 'Ilm al-Tafsīr		▪ al-'Ām alladhī Urīda bihī al-Khuṣūṣ
	▪ Dhikr al-Qirā'āt fī al-Tafsīr		▪ Mā Khaṣṣa minhu bi al-Sunnah
5	Tārīkh Kitābah al-Qur'ān		▪ Mā Khaṣṣa bihī min al-Sunnah
	▪ 'Adad Ḥurūf Suwarihi wa Āyātihi	22	al-Mujmal
	▪ Ma'rifah al-Ay wa Fawāṣiluhā	23	al-Mu'awwil
	▪ al-Ḥikmah fī Taswīr al-Qur'ān	24	al-Mafhūm
6	Tarjamah al-Qur'ān	25	al-Muṭlaq wa al-Muqayyad
7	al-Makkī wa al-Madanī	26	al-Nāsikh wa al-Mansūkh
	▪ al-Ḥaḍarī wa al-Safarī	27	al-Ma'mūl bihī muddah mu'ayyanah wa mā 'amila bihī wāḥid
	▪ al-Laylī wa al-Nahārī	28	al-Faṣal wa al-Waṣal
	▪ al-Ṣayfī wa al-Shitā'i	29	al-Ijāz wa al-Iṭnāb wa al-Musāwāh
	▪ al-Firāshī min al-Āyāt	30	al-Qaṣr
8	Asbāb al-Nuzūl	31	al-Khātimah
	▪ Awwalu mā Nuzila		▪ al-Asmā' wa al-Kunā wa al-Alqāb wa al-Mubhamāt

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 6, 7, 27 dan 9, 41, 44 dll.

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 145, dll.

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 44, dll.

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 143.

	▪ Ākhiru mā Nuzila	32	Khātimah Muhimmah
9	Qirā'āt al-Sab'ah		▪ Aqsām al-Qur'ān
	▪ al-Mutawātir wa al-Āhād wa al-Shādh		▪ Jadāl al-Qur'ān
	▪ Qirā'āt al-Nabī s.a.w. al-Wāridah 'anhu		▪ Mukhāṭabāt al-Qur'ān
	▪ al-Ruwāh wa al-Huffāz min al-Ṣaḥābah wa al-Tābi'in		▪ Mufradāt al-Qur'ān
	▪ al-Ruwāh wa al-Huffāz		▪ Gharīb al-Qur'ān
10	al-Waqf wa al-Ibtidā'		▪ Ittikhādh al-Qur'ān li 'Ird al-Ḥayāt al-Dunyā
	▪ Aqsām al-Waqf		▪ Qaṣaṣ al-Qur'ān
	▪ Fā'idah al-Ishmām		▪ Ḥukm Wuṣūl Thawāb al-Qur'ān ilā al-Mayyit
	▪ Fā'idah al-Rawm		✚ <i>Mazhab al-Mālikī</i>
11	al-Imālah		✚ <i>Mazhab al-Ḥanābilah</i>
12	al-Madd		✚ <i>Mazhab al-Shāfi'i</i>
13	Takhfif al-Hamzah		✚ <i>Mazhab al-Ḥanafī</i>
14	al-Idghām		▪ 'Ināyah al-'Ulamā' bi al-Qur'ān al-Karīm
			▪ al-'Ulūm al-Mustanbaṭah min al-Qur'ān

## 6. Analisis Kekuatan Karya

Karya ini nampak lebih tersusun dengan pembahagian bab yang dibuat berdasarkan topik perbincangan ilmu tafsir. Pilihan tajuknya pula mudah difahami dan dihafalkan. Bagi sesiapa yang berminat dalam sastera, ia boleh menyelami nazam atau syair ilmu tafsir pengarang asal. Manakala pembaca yang kurang berminat terhadap dunia sastera, dapat mengambil pelajaran dari syarahan dan hasyiyah. Ini tentu memberikan manfaat kepada umat Islam. Demikianlah kiranya yang menjadi piawaian kitab ini diterbitkan, agar mampu memberikan manfaat yang segera serta beraneka kepada masyarakat.

Tiada gading yang retak, tiada seorang pun yang sempurna. Bagaimanapun Syeikh Yasin hanya bertindak sebagai penulis hasyiyah, iaitu menjelaskan maklumat/nota tambahan kepada ulasan pensyarah pertama. Kalaupun terlihat ada kelemahan, namun di situ tersimpan pula hikmah dan pengajaran. Dilihat dari aspek kandungan, ada beberapa tajuk perbahasan ilmu tafsir yang tidak sempat dijelaskan di sini, antaranya mengenai *Muḥkamāt* dan *Mutashābihāt*, *Munāsabah al-Qur'ān*, *Ijāz al-Qur'ān* samada dari segi *Lughawī*, *Ilmī* mahupun *Tashrī'i*. Di samping itu, tidak dipaparkan juga secara detil Syarat-syarat dan Kepribadian Seorang Mufasir.<sup>45</sup>

Meskipun terlepas dalam mengupas perkara di atas, namun ulasan Syeikh Yasin di beberapa tempat cukup menarik. Banyak ilmu yang didapati oleh penulis. Misalnya ulasan beliau terkait ayat *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Dipaparkan pula di sini seputar ayat yang turun ketika Rasulullah bermukim (*al-Ḥaḍarī*); semasa Nabi s.a.w. melakukan perjalanan (*al-Safarī*); ayat yang turun di waktu malam hari (*al-Laylī*); ayat yang turun di waktu siang hari (*al-Nahārī*); ayat yang turunnya ketika musim panas (*al-Sayfī*); ayat yang turunnya semasa musim sejuk (*al-Shitā'i*); dan ayat al-Quran yang diturunkan kepada Baginda semasa beliau

<sup>45</sup> Bandingkan dengan *al-Itqan* karya al-Suyuti dan *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an* karya al-Qattan, dll.

sedang terlelap tidur (*al-Firāshī min al-Āyāti*).<sup>46</sup> Syeikh Yasin juga menghasilkan satu kesimpulan terkait ayat yang pertama kali diturunkan, begitu juga dengan ayat terakhir:

( ) ... فاولها هو اليوم الذي هبط فيه جبريل على النبي صلى الله عليه وسلم في غار حراء بصدر سورة اقراء، وقد قالوا إنه يوافق السابع عشر من رمضان، واستدلوا على ذلك بقوله تعالى (إن كنتم امنتم بالله وما انزلنا على عبدنا يوم الفرقان يوم التقى الجمعان).  
 يوم الفرقان يوم التقاء الجمعين في غزوة بدر، وكان يوافق السابع عشر من رمضان على ما ذكره بعض اصحاب المغازي والسير. وفي هذا نظر: لان السنة الصحيحة صريحة في ان ارجي ما تكون ليلة القدر التي نزل فيها القران في الوتر في العشر الاخير من رمضان. وإلى ذلك ذهب جمهور اهل العلم. واما اخرها فقد اعتبر بعض محققي تاريخ التشريع الإسلامي، انه اليوم التاسع من ذي الحجة سنة ١٠ من الهجرة، وكانه اعتمد على ما فهمه من قوله تعالى: (اليوم اكملت لكم دينكم) من انه إكمال الدين بإكمال نزول القران لكن الامر ابل الخ انه اليوم الذي نزل فيه جبريل على النبي صلى الله عليه وسلم بقوله تعالى (واتقوا يوما ترجعون) الاية. وهذا اليوم قبل وفاته صلى الله عليه وسلم بتسع ليال.<sup>47</sup>

(PERHATIAN) ... ayat yang pertama kali diturunkan ialah pada hari di mana diturunkannya Malaikat Jibril [ke bumi] untuk menjumpai Nabi s.a.w. di Gua Hira' dengan menyampaikan Surah Iqra'. Sebilangan ulama berkata, peristiwa tersebut bersamaan dengan 17 Ramadhan. Mereka berlandaskan kepada firman Allah (*jika kalian beriman kepada Allah dan dengan apa yang telah kami turunkan kepada hamba kami pada Hari Furqan, iaitu hari di mana dua pasukan perang saling berhadapan* [QS. al-Anfal: 41]. Mereka menjelaskan Hari Furqan itu bertepatan dengan bertempurnya dua pasukan perang, tepatnya Perang Badar. Adalah hari itu bersamaan dengan 17 Ramadhan, seperti yang disebutkan oleh ahli perang dan sejarah. Ada 1 Tinjauan: sesungguhnya tahun yang benar menjelaskan [ianya turun] pada malam Qadar, iaitu pada malam-malam ganjil sepuluh hari yang akhir di bulan Ramadhan. Demikian majoriti ulama berpendapat. Adapun ayat yang terakhir diturunkan, sebagai difahami oleh beberapa tokoh sejarahwan Islam, iaitu pada 9 Zulhijjah 10 H. Sepertinya mereka berpegang kepada apa yang difahami daripada ayat Allah (*pada hari ini saya sempurnakan agamamu untukmu* [QS. al-Ma'idah: 3]). Difahami, dengan sempurnanya penurunan al-Quran, maka sempurna sudah agama ini. Padahal bukan seperti itu maksudnya. Akan tetapi yang benar [ayat terakhir turun] ialah pada hari diturunkannya ayat (*takutlah dengan hari di mana engkau dikembalikan* [QS. al-Baqarah: 281]) oleh Jibril ke atas Nabi s.a.w. Hari tersebut bertepatan dengan 9 hari sebelum kewafatan Rasulullah.

Di samping hal-hal di atas, Syeikh Yasin juga berkeyakinan akan adanya lafaz al-Quran yang bukan Arab lalu kemudian di-Arabkan (*ta'rib/musta'rabah*); adanya lafaz yang berbilang dengan makna yang sama (*mutarādif*), misalnya *insān* dan *bashar*; dan perkara lain yang kandungan perbahasannya menarik minat dan perhatian.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 36-52.

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 61.

## KESIMPULAN

Aktiviti kehidupan SYP sungguh jauh dari gemerlapnya dunia. Kehidupan beliau diliputi oleh kesederhanaan. Beliau lebih menumpukan minat kepada aktiviti pendidikan, pengajaran, penulisan karya, dan menerajui institusi sosial. Sebaik sahaja menamatkan pengajian tinggi di Madrasah Dār al-'Ulūm, beliau dilantik menjadi pensyarah di sana. Selain itu, beliau juga mengajar di lingkungan Masjid al-Haram dan membuka kelas pengajian di rumah bagi memudahkan penuntut yang mahukan majlis ilmu beliau. Penat mengajar di siang hari, menghasilkan karya tulis di malam hari. Adakalanya kerjaya penulisan tersebut beliau jalani hingga fajar menjelang. Meskipun penglibatan beliau dalam penyusunan karya hadith dan sanad lebih menonjol dan terserlah, beliau pula menulis karya ilmu tafsir iaitu *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr*.

Karya ini merupakan bentuk kiprah Syeikh Yasin terhadap ilmu al-Quran amnya dan ilmu tafsir secara khas. Meskipun ianya tidak dikenali sebagai penulis tafsir, namun kemunculan kitab tersebut menyiratkan makna, beliau tidak cuai terhadap firman Tuhan. Kitab ilmu tafsir ini merupakan hasyiyah SYP atas syarahan gurunya, Sayyid al-Musāwī. Keunggulan karya ini adalah terletak pada penjelasannya yang ringkas dan dengan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca yang memiliki kemampuan berbahasa Arab sederhana sekalipun. Karya ini layak untuk diselongkar lebih dalam, sehingga masyarakat awam dapat menikmati suguhan ulama kebanggan Nusantara bahkan dunia Islam ini. Semoga!

## BIBLIOGRAFI

- Azyumardi Azra (2000), *Renaissans Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, cet. 2. Bandung: Remaja Rosdakarya
- \_\_\_\_\_ (2005), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, cet. 2 (edisi revisi). Jakarta: Kencana
- Jannatul Husna (2011), *Shaykh Yasin al-Fadani (m. 1990) dan Sumbangannya Dalam Pengajian Hadith* (Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
- \_\_\_\_\_ (2011), "Syeikh Yasin Padang dan Hadith Arba'in: Sebuah Ulasan dan Takhrij" dalam Fauzi Deraman *et al.* (eds.), *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Nūr al-Dīn al-Banjārī (1416 H/1996 M), *Muhammad Nūr al-Dīn Marbū al-Banjārī al-Makkī: Khādīm Ṭalabah al-'Ilm al-Sharīf wa al-Aḥādīth al-Musalsalah*, (t.t.p): Majlis Ihya' Kutub al-Turāth al-Islāmī

Raja Haron Raja Mohammad Salleh (1422 H/2001 M), *Jadwal Tarikh, Bulan dan Tahun Hijri-Masihi*, jil. 16. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah

Sa'īd Mamdūh (1403 H/1983 M), *Tashnīf al-Asmā' bi Shuyūkh al-Ijāzah wa al-Samā'*. Kaherah: Dār al-Shabāb li al-Ṭibā'ah

Syeikh Yasin (t.th.), *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr 'alā Nahj al-Taysīr: Sharḥ Manzūmah al-Tafsīr*. Kaherah: Maṭba'ah al-Fijālah al-Jadīdah

\_\_\_\_\_ (t.th.), *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr 'alā Nahj al-Taysīr: Sharḥ Manzūmah al-Tafsīr*. Riyāḍ: Mu'assasah Khālid li al-Tijārah wa al-Ṭibā'ah

\_\_\_\_\_ (1403 H/1983 M), *Thabt al-Kazbarī: Ittihāf al-Ṭālib, al-Sarrī bi Asānīd al-Wajīh al-Kazbarī*. Damsyik: Dār al-Baṣā'ir

\_\_\_\_\_ (1417 H/1996 M), *al-Fawā'id al-Janiyyah: Hāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah Sharḥ al-Farā'id al-Bahiyyah fī Nazm al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Ramzī Sa'd al-Dīn Dimashqiyyah (taqdīm), cet. 3. Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah

\_\_\_\_\_ (1426 H/2005 M), *al-Rawḍ al-Fā'iḥ wa Bughyah al-Ghādī wa al-Rā'iḥ*, Yūsuf al-Mar'ashlī (taḥqīq). Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah

\_\_\_\_\_ (1429 H/2008 M), *al-Wāfi bi Dhayl Tidhkār al-Maṣāfi*. Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah

'Umar 'Abd al-Jabbār (1403 H/1982 M), *Siyar wa Tarājum Ba'd 'Ulamā'inā fī al-Qarn al-Rābi' 'Ashar li al-Hijrah*, cet. 3. Jeddah: Tihāmah

Wan Mohd. Saghir Abdullah (2006), "Saiyid Muhsin al-Masawi: Pengasas Dar al-Ulum di Mekah". *Utusan Malaysia*, 14 Ogos

Yūsuf al-Mar'ashlī (1427 H/2006 M), *'Iqd al-Jawhar fī 'Ulamā' al-Rub' al-Awwal min al-Qarn al-Khāmis 'Ashar*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah

Lihat <http://www.islamicity.com/PrayerTimes/hijricconverter1a.htm>, diakses 23 Disember 2011

Lihat Naufan Rumi dalam <http://naufanrumi.blogspot.com/2011/11/syaikh-muhammad-yasin-al-fadani-diburu.html>, diakses 14 Disember 2011

Lihat <http://nulibya.wordpress.com/2007/09/11/mengenang-syekh-yasin-al-fadani/>, diakses 5 November 2011